

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR
GUDANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan punya komitmen reformasi untuk memisahkan jawatan Peguam Negara dengan Pendakwa Raya supaya jawatan-jawatan itu dipegang oleh dua orang yang berbeza.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara yang merupakan inisiatif di bawah Tonggak 1 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Inisiatif tersebut juga turut dimasukkan sebagai Perkara 4.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Kajian terperinci tersebut telah melihat amalan terbaik global dan mengkaji secara mendalam sistem dan struktur pendakwaan di 9 buah negara.

Hasil kajian tersebut telah dimuktamadkan dan cadangan pindaan Perlembagaan serta undang-undang lain yang berkaitan juga telah dikenal pasti. Turut disediakan dalam laporan kajian tersebut ialah struktur Pejabat Pendakwa Raya yang akan ditubuhkan kelak. Seperti YB sedia maklum inisiatif ini turut berada dalam NACP dan tempoh pelaksanaan NACP adalah sehingga 2023. Apabila laporan kajian ini siap sepenuhnya, ia akan dibentangkan kepada kerajaan semula untuk keputusan sama ada akan melaksanakan agenda yang berkaitan cadangan memisahkan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

Memandangkan cadangan pemisahan ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, maka Kerajaan perlu berhati-hati dalam perkara yang menyentuh kuasa Pendakwa Raya di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan keanggotaan Pendakwa Raya dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan di bawah Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan.

Selanjutnya, isu sama ada terdapat halangan dalam melaksanakan pengasingan jawatan Pendakwa Raya dan Peguam Negara masih

belum dapat dikenal pasti dan juga keperluan untuk meletakkan Pendakwa Raya di bawah kuasa Parlimen dan bukan Perdana Menteri belum dapat dimuktamadkan sehingga diadakan pembentangan hasil kajian kepada pihak Kerajaan.

Berhubung dengan cadangan supaya Peguam Negara menjadi anggota Jemaah Menteri, Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang anggota Jemaah Menteri untuk dilantik sebagai Peguam Negara sekiranya calon tersebut memenuhi prasyarat kelayakan seorang hakim Mahkamah Persekutuan di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, syarat kelayakan seseorang untuk dilantik sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah seperti yang berikut:

- (a) seorang warganegara; dan
- (b) bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya, dia telah menjadi peguam bela bagi mahkamah-mahkamah itu atau mana-mana satu daripada mahkamah itu; atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini dua orang anggota Jemaah Menteri pernah dilantik sebagai Peguam Negara iaitu Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof (1963-1977) dan Tan Sri Datuk Hj Hamzah bin Datuk Abu Samah (1977-1980).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 03 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan dalam proses merangka RMKe-12 yang dibentangkan baru-baru ini dan adakah Kerajaan akan terus menggunakan model yang sama untuk merancang dasar pembangunan negara di masa hadapan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kos penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) ini adalah sebanyak RM4.2 juta termasuk perbelanjaan untuk sesi libat urus, percetakan dan perunding media.
2. Pendekatan dasar dan rancangan pembangunan berdasarkan Rancangan Lima Tahun akan diteruskan bagi menentukan halatuju, dasar, strategi, program dan projek pembangunan negara dalam tempoh jangka sederhana.
3. Dasar pembangunan negara disediakan menggunakan pendekatan dari atas ke bawah, dengan izin, *top-down* dan dari bawah ke atas, dengan izin, *bottom-up*. Pendekatan dari atas ke bawah bermula dengan penyediaan rangka kerja ekonomi makro oleh agensi pusat, iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU), Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Sebagai agensi yang bertanggungjawab menyediakan rancangan jangka sederhana, EPU menyelaraskan dan mencadangkan sasaran ekonomi makro serta menerbitkan garis panduan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun untuk rujukan semua kementerian dan agensi.
4. Pendekatan dari bawah ke atas melibatkan sesi libat urus yang meluas dengan pelbagai pihak berkepentingan. Sesi libat urus yang menyeluruh ini memastikan, dengan izin, *leaving no one behind*, dengan penglibatan sektor awam dan swasta merangkumi pakar industri dan ahli korporat, ahli akademik, Ahli Parlimen termasuk pembangkang, pemimpin masyarakat, pertubuhan masyarakat sivil dan organisasi antarabangsa. Di samping itu, sesi libat urus bersama kerajaan negeri turut diadakan dan penglibatan orang awam melalui konsultasi secara dalam talian juga diambil kira bagi memastikan penggubalan dasar dan strategi yang holistik dan inklusif. Lazimnya penyediaan Rancangan Malaysia Lima

Tahun akan mengambil masa selama 18 bulan, namun penyediaan RMKe-12 selama kira-kira 29 bulan telah membolehkan EPU,JPM mengadakan sesi libat urus secara lebih menyeluruh. Bagi tujuan ini, EPU,JPM telah mewujudkan 13 Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG), 46 Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan lebih daripada 190 Kumpulan Fokus (FG) yang bersama-sama telah merangka strategi dan inisiatif RMKe-12.

5. Cadangan dasar serta program pembangunan utama seterusnya dikemukakan ke Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (JPPN) iaitu jawatankuasa tertinggi di peringkat pegawai kerajaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, sebelum mengemukakannya ke Jawatankuasa Khas Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Dasar dan program pembangunan ini seterusnya dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri di Parlimen.

6. Pendekatan penggubalan dasar dan rancangan pembangunan berdasarkan Rancangan Lima Tahun akan diteruskan bagi menentukan halatuju, dasar, strategi, program dan projek pembangunan negara dalam tempoh jangka sederhana. Pendekatan ini bagi memastikan penggubalan dasar dan strategi yang holistik dan inklusif.

Sekian, terima kasih.